

08/08/2004

Bahasa Inggeris dan jiwa Melayu

KADANGKALA Sang Lamri berasa amat hairan setiap kali perdebatan dan polemik bersabit penggunaan bahasa Inggeris dibangkitkan.

Sambil sesetengah pihak menerima hakikat bahawa penguasaan bahasa asing atau bahasa ilmu itu kini amat mendesak sebagai satu keperluan, sebahagian yang lain pula beranggapan kepentingan bahasa Melayu akan terkebelakang atau dipinggirkan.

Percanggahan pendapat mengenainya berbeza-beza di antara satu individu dan individu yang lain - daripada semesra-mesra perbincangan hingga kepada pertelingkahan paling ekstrem.

Golongan politik pula nampaknya lebih cenderung melihatnya sebagai menyalahi resam politik jika kepentingan bahasa Inggeris mereka perjuangkan. Tugas itu lebih gemar mereka serahkan kepada orang lain.

Malah, sudah kerap kedengaran kononnya mereka yang menentang penggunaan bahasa Inggeris dipertingkat, adalah juga mereka yang sebenarnya amat fasih bahasa berkenaan. Seolah-olah mereka saja yang boleh 'speaking' sedangkan orang lain tidak.

Dalam banyak keadaan dan perbahasan, keadaannya menggambarkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris tidak boleh didaulat atau diperkembangkan seiringan, sebaliknya cuma bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang perlu terus diberi keutamaan.

Kebimbangan yang lebih ditonjolkan ialah apabila bahasa Inggeris mula diberi penekanan semula, maka lambat-laun bahasa Melayu akan berkubur tanpa nisan. Apakah benar demikian?

Tun Dr Mahathir Mohamad amat petah berbahasa Inggeris di samping boleh berucap berjam-jam dalam bahasa Melayu. Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dan timbalannya, Datuk Seri Najib Razak, juga tidak canggung berbahasa Inggeris tanpa sedikit pun mengurangkan semangat Melayu dalam diri masing-masing.

Semalam, Sang Lamri diberitahu oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, bahawa mesyuarat mingguan Kabinet dari zaman Dr Mahathir lagi hampir keseluruhannya menggunakan bahasa Inggeris.

Dibandingkan dengan sesetengah rakannya dalam Kabinet, Rafidah yang juga Ketua Pergerakan Wanita Umno, tidak pun gusar untuk memperjuangkan penggunaan bahasa Inggeris diperluaskan.

Kepadanya, ia tidak pun menyalahi resam politik atau menyebabkan beberapa undi kehilangan. Sebaliknya, keengganan mendalami bahasa Inggerislah dianggap menyalahi resam politik, tamadun dan peredaran zaman.

Tidak hairanlah beliau menjadikannya satu peraturan agar semua memorandum, pekeliling atau pemberitahuan dalam kementerianannya menggunakan bahasa Inggeris.

Contoh nyata yang diberikannya adalah pelbagai. Daripada berlonggok di satu sudut, enggan terbabit dalam perbincangan hinggalah kepada kelemahan pegawai kita di meja rundingan, semuanya ditumpukannya kepada kegagalan bertutur atau memahami bahasa Inggeris dengan baik.

"Berfikiran sempit dan berpegang kepada nasionalisme parokial," demikian Rafidah menyimpulkan golongan yang menentang penggunaan bahasa Inggeris.

Sudah tentu juga golongan yang tidak bersetuju dengan pandangan beliau adalah ramai di sebalik realiti bahawa bahasa Melayu kini semakin berkembang dengan menyerap semakin banyak perkataan bahasa Inggeris.

Sang Lamri masih teringat Dr Mahathir pernah mengungkapkan: "Anda harus lebih dulu fasih berbahasa Inggeris untuk memahami bahasa Melayu hari

ini."

Kita sebenarnya sudah amat hampir dengan keadaan di mana penguasaan baik dalam bahasa Inggris adalah lebih bernilai daripada segulung ijazah kalau pun kita belum sampai ke tahap itu.

(END)